

31 JUL 2003

Mahathir-PKPM

TERDAPAT ANGGOTA UMNO TERLIBAT DENGAN PKPM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ada anggota umno yang terlibat dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) tetapi jumlah mereka amat kecil.

Beliau berkata anggota parti politik lain juga ada didapati terlibat dalam pasukan itu.

"Kita percaya juga ada anggota Umno yang terlibat (tetapi) tak ramai. Anggota parti lain ada juga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti itu di sini.

Dr Mahathir berkata Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Menteri Dalam Negeri, telah memberi taklimat mengenai PKPM dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata mereka yang terlibat dalam pasukan itu juga terperdaya dengan janji yang diberi.

"Dan mereka juga terperdaya kerana ada tawaran-tawaran naik pangkat...boleh pegang jawatan itu, jawatan ini, boleh pakai medal...jadi seronok juga," katanya.

Ditanya mengenai tindakan yang akan dikenakan oleh Umno ke atas anggotanya yang terlibat dalam PKPM, Dr Mahathir berkata ia belum ditentukan kerana parti perlu mendapatkan lebih banyak penjelasan mengenai pergerakan itu.

"Kita belum tentukan apakah tindakan yang akan diambil. Kalau mereka menyertai dengan mengetahui apakah tujuan gerakan ini dan mereka terus menyertainya, itu memerlukan tindakan yang lain," katanya.

Ditanya mengenai cadangan parti PAS agar kerajaan mengeluarkan kertas putih mengenai PKPM, Perdana Menteri berkata ketika ini kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenai itu.

"Pada ketika ini kita belum buat keputusan kerana kita belum tahu apa dia badan ini...sama ada ia militan ataupun tidak.

"Setakat yang kita tahu tidak ada bukti yang mereka terlibat dengan gerakan militan lain," katanya.

-- BERNAMA

RV SR AHH RHM